



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab..

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Al-Quran, hanya untuk dilagu-lagukan?

‘Abdul Azīz Muhammad al-Wirsātar Kedah bertanya: Kerana apa yang sebenarnya Quran diturunkan adakah kerana diambil berkatnya dan dilagu-lagukan sahaja?’

Menurut tingkah laku kebanyakan orang-orang Islam kita pada hari ini begitulah pandangan mereka kepada kitab suci: Dijadikan sebagai suatu benda yang diambil berkatnya dan dilagu-lagukan dengan suara yang merdu, lain tidak dan inilah salah satu daripada sebab-sebab yang menjadikan orang-orang Islam kita ketinggalan pada banyak perkara kerana tidak menurut pimpinan kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya ṣallā Allāh ‘alaihi wa salam.

Banyak ayat-ayat al-Quran sendiri yang menerangkan sebab-sebabnya al-Quran diturunkan, seperti firman Allah Ta‘ālā:

“*Kitābun anzalnāhu ilayka mubārak liyadbarū ayātihī walyatazakkar ūlū al-albāb*” (S, 29).

Ertinya: “Inilah kitab (al-Quran) kami turunkan kepadamu lagi berkat, supaya mereka mengkaji akan ayat-ayatnya dan supaya dapat pelajaran orang-orang yang berakal.”

Dalam firman-Nya yang lain, Tuhan menerangkan:

“*Alif lam ra. Kitābun anzalnāhu ilayka litakhrij al-nās mina al-żulumāti ila al-nūr bi idhni rabbihim ilā sirāt al-‘azīz al-ḥamīd*” (1.Surah Ibrahim).

Ertinya: (Allah yang amat mengetahui akan maksudnya) inilah kitab (al-Quran) kami turunkan kepadamu supaya engkau mengeluarkan manusia dari gelap gelita (kejahanilan)

kepada nur (ilmu pengetahuan) yang terang benderang, dengan izin Tuhan mereka, iaitu kepada jalan (Tuhan) yang berkebesaran dan kepujian.”

Di dalam suatu ayat lagi Tuhan berfirman:

“*inna hādha al-Qur’ān yahdī li allatī hiya aqwam al-mu’mīn. al-ladhīna ya‘malūna al-sāliḥāti an lahum ajran kabīrā* (al-Isrā’ 9).

Ertinya: “Sesungguhnya Quran ini memberi pertunjuk kepada jalan yang lebih lurus, dan memberi kesukaan kepada orang-orang yang beriman. yang mengerjakan amal salih: Bahawa bagi mereka itu pahala yang besar.”

Dan berpuluhan ayat suci yang menjelaskan hikmatnya al-Quran diturunkan iaitu menjadi pertunjuk kepada manusia seisi alam.

Di dalam al-Hadis al-Sharif telah mencela dengan kerasnya kepada golongan yang hanya pandai melagu-lagukan Quran atau mendengarnya dilagu-lagukan dengan suara yang merdu padahal mereka tidak berpandu kepada pertunjuknya dan tidak beramal dengan pengajarannya.

Huzaifah Radhiallahu anhu berkata bahawa Rasulullah (SAW) bersabda: “*Iqra’ al-Qurān bi luḥūn al-‘Arab wa aswātuḥā wa iyyakum wa luḥūn ahl al-‘ishq wa luḥūn ahl al-kitābāyñ wa sayajī’ ba‘di qawm yarji‘ūn al-Qur’ān tarjī‘u al-ghinā’ wa al-nūḥ lā yujāwiz ḥanājiruhum maftūnat qulūbuhun wa qulūb alladhi yu‘jibuhum sha‘nuhūm*”

Ertinya: “Bacalah kamu akan Quran dengan gaya orang Arab dan suaranya dan jauhilah kamu dari gaya orang-orang

yang mendayu kerana asyik cintanya, dan gaya-gaya ahli kitab (Yahudi, Nasrani). Akan datang kelak kemudian daripada aku; golongan yang melagu-lagukan Quran berulang-ulang sehingga rosak bacaan seperti lagu orang menyanyi atau meratap. Bacaan itu tidak sampai halqum mereka (yakni tidak difaham dan tidak diamalkan). Hati mereka tergoda demikian juga orang yang mendengarnya dan tertarik kepada qari-qari yang melagu-lagukan al-Quran itu.”

Demikianlah al-Quran diturunkan bukan kerana dijadikan berkat atau dilagu-lagukan di radio atau di majlis-majlis keramaian bahkan kerana menjadi pertunjuk dan diamalkan kerana beramal dengannya itulah sahaja yang menjadi punca kemajuan Islam dan umat Islam.

(sambungan daripada muka 36)

Muhammad bin Sīrīn murid Anas, Abū Hurairah dan Ibnu ‘Abbās dan banyak lagi.

Semuanya itu menunjukkan bahawa umat Islam memelihara hamba sahaya itu semata-mata rahmat bukan dasarnya nafsu atau kemewahan, dan begitulah lukisan dan gambaran hamba sahaya dalam Islam bila kita melihat Wuran dan hadis yang dibuktikan oleh tarikh serta contoh dari Nabi dan sahabat-sahabat. Sungguh jauh berlainan dengan gambaran hamba sahaya dalam Islam yang biasa kita dengar atau baca dalam cerita atau wayang gambar dan yang terbaca dalam majalah-majalah Barat.

Pengarang kitab “*al-Mithal al-Kamil*” menerangkan bahawa tidak mencemarkan (kesucian Islam) apa yang disaksikan dikebanyaknya negeri-negeri orang Islam, adanya kejadian seperti mlarikan orang hitam, dan menjual mereka, dan menjadikan mereka hamba sahaya.

Perbuatan orang-orang yang jahil tidak patut jadi hujah bagi menyalahkan agama.

UBAT JENIS BAHARU DAN GANJIL

Berbeza dari ubat-ubat yang lain-lain dan tidak merbahaya.

1). Ubat telinga (EARO)

3/50 pos bersih.

Baik penyakit baharu atau lama, nanah cepat berhenti.

2). Ubat batuk teruk (COUGO)

\$3/50 pos bersih.

Khas kepada batuk-batuk lama dan sangat mujarab.

3). Ubat buasir (PILGO)

6/50 pos bersih. Dalam 24 jam mulai semuh, beransur kecut dan ajaib langsung.

Perempuan hamil pun boleh memakannya.

4). Ubat gila babi (FITSGO)

6/50 pos bersih.

Sekarang ada ubatnya. Penyakit tak balik lagi.

Juga ubat ini menerangkan otak.

5) Ubat penjarang

Untuk pakai diluar bagi setahun-/4 (b) untuk dimakan tak hamil lagi, sebotol sahaja, badan diberi sihat-17/pos bersih.

6) Ubat penerang mata (NERVO)

7/50 pos bersih.

Ganjil dari lain-lain tonik. Lekas menerangkan mata dan otak. Selalu pelupa dan pitam, cepat baiknya.

7) Ada banyak lagi ubat-ubat jenis baharu

dari England

Untuk:- lelah, resdung, tipuk, darah tinggi, badan sembab-sembab, leher beguk. angin pasang-pasang, dan lain-lain lagi. Orang-orang yang putus harap dari ubat-ubat yang lain silalah beritahu dengan terang bersama 10 sen setem. Pesanlah dari: Mohd. Amir bin H.M. Khatib, (as Representative of), Woh Kee Medical Hall, 124, Ipoh Road, Kuala Lumpur.